



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 670

AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN 2007

Sebagaimana pada 1 November 2014

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
2014

**AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN
ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN 2007**

Tarikh Perkenan Diraja	18 Julai 2007
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	26 Julai 2007
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1385 yang mula berkuat kuasa pada	15 November 2010

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 670

AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN 2007

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Ruang lingkup pemakaian
4. Peluasan Akta kepada kesalahan luar wilayah
5. Undang-undang yang terpakai

BAHAGIAN II

MAJLIS BAGI ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN

6. Majlis bagi Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran
7. Fungsi dan kuasa Majlis
8. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan
9. Mesyuarat Majlis
10. Penubuhan jawatankuasa
11. Setiausaha Majlis dan pegawai lain

BAHAGIAN III

KESALAHAN PEMERDAGANGAN ORANG, KEKEBALAN, DSB.

12. Kesalahan pemerdagangan orang
13. Kesalahan pemerdagangan orang dengan cara ancaman, kekerasan, dsb.

Seksyen

14. Kesalahan pemerdagangan kanak-kanak
15. Kesalahan mendapatkan keuntungan daripada eksploitasi orang yang diperdagangkan
- 15A. Kesalahan berhubung dengan pemerdagangan orang dalam transit
16. Kerelaan orang yang diperdagangkan tidak relevan
17. Kelakuan seksual lampau tidak relevan
- 17A. Pergerakan atau pengangkutan orang yang diperdagangkan tidak relevan
18. Dokumen perjalanan atau pengenalan diri fraud
19. Merekrut orang
20. Menyediakan kemudahan bagi membantu pemerdagangan orang
21. Menyediakan perkhidmatan bagi maksud pemerdagangan orang
22. Melindungi orang
23. Obligasi pemunya, operator atau nakhoda pengangkut
24. Peninggalan sengaja untuk memberi maklumat
25. Kekebalan daripada pendakwaan jenayah
26. Perlindungan pemberi maklumat

BAHAGIAN IIIA

PENYELUDUPAN MIGRAN

- 26A. Kesalahan penyeludupan migran
- 26B. Kesalahan penyeludupan migran yang lebih berat
- 26C. Kesalahan berhubung dengan migran yang diseludup dalam transit
- 26D. Kesalahan mendapat keuntungan daripada kesalahan penyeludupan migran
- 26E. Dokumen perjalanan atau pengenalan diri fraud
- 26F. Menyediakan kemudahan bagi membantu penyeludupan migran
- 26G. Menyediakan perkhidmatan bagi maksud penyeludupan migran
- 26H. Menyembunyikan atau melindungi migran yang diseludup dan penyeludup migran
- 26I. Menyokong kesalahan penyeludupan migran
- 26J. Kesalahan mengangkut migran yang diseludup
- 26K. Obligasi pemunya, dsb., pengangkut

BAHAGIAN IV
PENGUATKUASAAN

Seksyen

27. Pegawai penguat kuasa
28. Kuasa penyiasatan
29. Kuasa penangkapan
30. Penggeledahan dan penyitaan dengan waran
31. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
32. Capaian kepada data berkomputer
33. Senarai benda yang disita
34. Kuasa untuk memeriksa orang
35. Kebolehterimaan pernyataan
36. Pelucuthakan pengangkut, harta alih, dsb.
37. Kos memegang pengangkut, harta alih, dsb., yang disita
38. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada kemasukan, penggeledahan atau penyitaan boleh didapatkan
39. Halangan
40. Pemberian maklumat
41. Pemulaan pendakwaan

BAHAGIAN V
JAGAAN DAN PERLINDUNGAN ORANG YANG
DIPERDAGANGKAN

- 41A. Ketidapkapaian
42. Tempat perlindungan
43. Pelantikan Pegawai Pelindung
44. Mengambil orang ke dalam jagaan sementara
45. Orang dalam jagaan sementara yang memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan
46. Pemeriksaan dan rawatan perubatan
47. Kebenaran untuk dimasukkan ke hospital
48. Kawalan ke atas orang yang dimasukkan ke hospital
49. Langkah yang perlu diambil selepas pemeriksaan atau rawatan perubatan
50. Tiada liabiliti ditanggung kerana memberikan kebenaran

Seksyen

51. Penyasatan, siasatan dan Perintah Perlindungan
52. Perakaman keterangan orang yang diperdagangkan
53. Permohonan oleh ibu atau bapa, penjaga atau saudara
54. Pelepasan orang yang diperdagangkan
55. Orang yang diperdagangkan yang melarikan diri atau dipindahkan dari tempat perlindungan
56. Kesalahan memindahkan atau membantu orang yang diperdagangkan melarikan diri dari tempat perlindungan
57. Kuasa Menteri untuk memindahkan orang yang diperdagangkan dari satu tempat perlindungan ke tempat perlindungan yang lain

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

58. Sekatan ke atas laporan dan penyiaran media
59. Keterangan *agent provocateur* boleh diterima
60. Kebolehterimaan keterangan dokumentar
61. Kebolehterimaan terjemahan dokumen
- 61A. Kebolehterimaan deposisi orang yang diperdagangkan atau migran yang diseludup yang tidak dapat dikesan
62. Tanggung rugi
63. Penalti am
64. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
65. Kesalahan oleh pekerja atau ejen
66. Peraturan-peraturan
67. Pencegahan anomali

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 670

***AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN 2007**

Suatu Akta untuk mencegah dan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berkaitan dengannya.

[*Bahagian I, II, Seksyen 66 dan 67– 1 Oktober 2007,
[P.U. (B) 339/2007;
Bahagian III, IV, V dan VI – 28 Februari
2008,
P.U. (B) 86/2008]*

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan ****Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007**.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuat kuasanya peruntukan yang berlainan Akta ini.

**CATATAN*—Sebelum ini disebut sebagai Akta Antipemerdagangan Orang 2007. Tajuk ringkas ditukar oleh seksyen 3 Akta Antipemerdagangan Orang (Pindaan) 2010 [*Akta A1385*] mula berkuat kuasa pada 15 November 2010—*lihat* P.U. (B) 500/2010.

***CATATAN*—Segala sebutan mengenai Akta Antipemerdagangan Orang 2007 dan Majlis Antipemerdagangan Orang dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, masing-masing ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran. —*lihat* seksyen 26 Akta Antipemerdagangan Orang (Pindaan) 2010 [*Akta A1385*] mula berkuat kuasa pada 15 November 2010—*lihat* P.U. (B) 500/2010.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta ini” termasuklah apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan;

“dokumen perjalanan atau pengenalan diri fraud” ertinya sesuatu dokumen perjalanan atau pengenalan diri yang—

- (a) telah dibuat, atau diubah dalam bentuk yang material, oleh seseorang selain orang atau agensi yang diberi kuasa yang sah untuk membuat atau mengeluarkan dokumen perjalanan atau pengenalan diri bagi pihak sesebuah negara;
- (b) telah dikeluarkan atau telah diperoleh melalui salah nyataan, rasuah atau dures atau dalam apa-apa cara lain yang menyalahi undang-undang; atau
- (c) sedang digunakan dengan salah oleh seseorang selain pemegang yang sah;

“eksploitasi” termasuklah segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia;

“kanak-kanak” ertinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Sesyen;

“Majlis” ertinya *Majlis bagi Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran yang ditubuhkan di bawah seksyen 6;

*CATATAN—Segala sebutan mengenai Akta Antipemerdagangan Orang 2007 dan Majlis Antipemerdagangan Orang dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, masing-masing ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 dan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran. —lihat seksyen 26 Akta Antipemerdagangan Orang (Pindaan) 2010 [Akta A1385] mula berkuat kuasa pada 15 November 2010—lihat P.U. (B) 500/2010.

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri;

“migran yang diseludup” ertinya seseorang yang menjadi objek perbuatan penyeludupan migran, tidak kira sama ada orang itu turut serta dalam perbuatan penyeludupan migran itu;

“negara penerima” ertinya suatu negara yang ke dalamnya orang yang diperdagangkan atau migran yang diseludup dibawa sebagai sebahagian daripada perbuatan pemerdagangan orang atau penyeludupan migran, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“negara transit” ertinya suatu negara yang darinya, atau yang ke dalam atau melaluinya, orang yang diperdagangkan atau migran yang diseludup, mengikut mana-mana yang berkenaan, dibawa atau membuat perjalanan melalui darat, laut atau udara atau tinggal secara sementara di dalamnya sebagai sebahagian daripada perbuatan pemerdagangan orang atau penyeludupan migran;

“orang yang diperdagangkan” ertinya mana-mana orang yang menjadi mangsa atau objek perbuatan pemerdagangan orang;

“paksaan” ertinya—

- (a) ancaman kecederaan berat kepada atau sekatan fizikal terhadap mana-mana orang;
- (b) apa-apa skim, rancangan, atau corak yang diniatkan untuk menyebabkan seseorang untuk mempercayai bahawa kegagalan untuk menjalankan sesuatu perbuatan akan mengakibatkan kecederaan berat kepada atau sekatan fizikal terhadap mana-mana orang; atau
- (c) penyalahgunaan atau ancaman penyalahgunaan proses undang-undang;

“pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 [*Akta 633*];

“Pegawai Tenaga Kerja” ertinya Pegawai Tenaga Kerja yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] atau seksyen 3 Ordinan Buruh Sabah [*Sabah Bab 67*] atau seksyen 3 Ordinan Buruh Sarawak [*Sarawak Bab 76*];

“pegawai imigresen” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*];

“Pegawai kastam” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];

“Pegawai Kebajikan Masyarakat” ertinya mana-mana Pegawai Kebajikan Masyarakat di kementerian atau jabatan yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan dan termasuklah mana-mana Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat;

“Pegawai Pelindung” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 43;

“pegawai penguat kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang dinyatakan dalam seksyen 27;

“pegawai perubatan” ertinya pengamal perubatan berdaftar dalam perkhidmatan Kerajaan dan termasuklah seseorang pengamal perubatan berdaftar di mana-mana hospital pelatih perubatan sesuatu Universiti;

“pemastautin tetap” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*];

“pemerdagangan orang” ertinya segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan, dan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang bagi maksud Akta ini;

“pengangkut” ertinya mana-mana kenderaan, vesel, kapal, kapal udara, atau apa-apa cara pengangkutan lain sama ada melalui udara, laut atau darat;

“penyeludupan migran” ertinya—

- (a) mengatur, memudahkan atau merancang, secara langsung atau tidak langsung, kemasukan seseorang secara tidak sah ke dalam atau melalui, atau pengeluaran seseorang secara tidak sah dari mana-mana negara yang orang itu bukan warganegara atau pemastautin tetap sama ada dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kemasukan atau pengeluaran orang itu adalah tidak sah; dan

- (b) merekrut, mengangkut, memindahkan, menyembunyikan, melindungi atau menyediakan apa-apa bantuan atau perkhidmatan bagi tujuan melaksanakan perbuatan yang disebut dalam perenggan (a);

“Perintah Perlindungan” ertinya suatu perintah yang dibuat oleh Majistret bagi jagaan dan perlindungan orang yang diperdagangkan di bawah perenggan 51(3)(a);

“premis” ertinya rumah, bangunan, kilang, tanah, tenemen, isemen mana-mana pemegangan, sama ada terbuka atau tertutup, sama ada dibina di dalamnya atau tidak, sama ada awam atau persendirian, dan sama ada disenggarakan atau tidak di bawah pihak berkuasa berkanun, dan termasuklah mana-mana kontena.

Ruang lingkup pemakaian

3. Kesalahan di bawah Akta ini terpakai, tidak kira sama ada perbuatan memulakan kesalahan itu berlaku di dalam atau di luar Malaysia dan apa jua kerakyatan atau kewarganegaraan pesalah itu, dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) jika Malaysia ialah negara penerima atau negara transit atau pengeksplotasian berlaku di dalam Malaysia; atau
- (b) jika negara penerima atau negara transit ialah negara asing tetapi pemerdagangan orang atau penyeludupan migran bermula di dalam Malaysia atau transit di Malaysia.

Peluasan Akta kepada kesalahan luar wilayah

4. Apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang dilakukan—

- (a) di laut lepas dalam mana-mana kapal atau dalam mana-mana kapal udara yang didaftarkan di Malaysia;
- (b) oleh mana-mana warganegara atau pemastautin tetap Malaysia di laut lepas dalam mana-mana kapal atau dalam mana-mana kapal udara; atau

- (c) oleh seseorang warganegara atau seseorang pemastautin tetap di mana-mana tempat di luar kawasan dan melewati Malaysia,

boleh diuruskan seolah-olah telah dilakukan di mana-mana tempat di dalam Malaysia.

Undang-undang yang terpakai

5. (1) Peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

(2) Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, peruntukan Akta ini hendaklah terpakai dan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah, setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu, disifatkan digantikan.

BAHAGIAN II

MAJLIS BAGI ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN

Majlis bagi Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran

6. (1) Suatu badan yang dikenali sebagai Majlis bagi Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran hendaklah ditubuhkan bagi maksud Akta ini.

(2) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi hal ehwal luar negeri, atau wakilnya;

- (c) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi hal ehwal dalam negeri, atau wakilnya;
- (d) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat, atau wakilnya;
- (e) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia, atau wakilnya;
- (f) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi pengangkutan, atau wakilnya;
- (g) Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi penerangan, atau wakilnya;
- (h) Peguam Negara Malaysia, atau wakilnya;
- (i) Ketua Polis Negara, atau wakilnya;
- (j) Ketua Pengarah Imigresen, atau wakilnya;
- (k) Ketua Pengarah Kastam, atau wakilnya;
- (l) Ketua Pengarah Penguatkuasaan Maritim Malaysia, atau wakilnya;
- (m) seorang wakil Kementerian yang bertanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri;
- (n) tidak lebih daripada tiga orang daripada pertubuhan bukan kerajaan atau organisasi lain yang berkaitan yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam masalah dan tentang isu yang berhubungan dengan pemerdagangan orang termasuk perlindungan dan bantuan orang yang diperdagangkan, yang dilantik oleh Menteri; dan
- (o) tidak lebih daripada dua orang daripada pertubuhan bukan kerajaan atau organisasi lain yang berkaitan yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam masalah dan isu yang berhubungan dengan penyeludupan migran, yang dilantik oleh Menteri.

(3) Setiap anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan (2)(n) dan (o) hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan terlebih dahulu, memegang jawatan selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan layak untuk dilantik semula.

(4) Mana-mana anggota Majlis yang dilantik di bawah perenggan (2)(n) dan (o) boleh, pada bila-bila masa meletakkan jawatannya, dengan memberi notis secara bertulis kepada Menteri.

(5) Anggota Majlis yang dinyatakan di bawah subseksyen (2) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Fungsi dan kuasa Majlis

7. (1) Majlis hendaklah melaksanakan fungsi yang berikut:

- (a) menyelaraskan pelaksanaan Akta ini;
- (b) merumuskan dasar dan program untuk mencegah dan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran;
- (c) merumuskan program perlindungan untuk orang yang diperdagangkan;
- (d) memulakan program pendidikan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap punca dan akibat perbuatan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran;
- (e) memantau corak imigrasi dan emigrasi di Malaysia bagi bukti pemerdagangan orang dan penyeludupan migran dan mendapatkan respons segera daripada agensi kerajaan yang berkaitan dan pertubuhan bukan kerajaan tentang masalah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran yang dibawa kepada perhatiannya;
- (f) menasihati Kerajaan mengenai isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran termasuk perkembangan di peringkat antarabangsa terhadap perbuatan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran;

- (g) membuat syor kepada Menteri tentang segala aspek mencegah dan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran;
- (h) menyelaraskan perumusan dasar dan memantau pelaksanaan dasar sedemikian ke atas isu-isu pemerdagangan orang dan penyeludupan migran dengan agensi kerajaan yang berkaitan dan pertubuhan bukan kerajaan;
- (i) bekerjasama dan menyelaraskan dengan kerajaan dan organisasi antarabangsa mengenai pemerdagangan orang dan penyeludupan migran;
- (j) mengumpul dan mengumpul semak data dan maklumat, dan memberikan kebenaran bagi penyelidikan, berhubung dengan mencegah dan memerangi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran; dan
- (k) melaksanakan apa-apa fungsi lain bagi pelaksanaan Akta ini dengan sewajarnya.

(2) Majlis hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi, atau yang berkaitan dengan, atau yang bersampingan secara munasabah dengan, pelaksanaan fungsinya.

Kuasa Menteri untuk memberikan arahan

8. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan Majlis arahan yang tidak berlawanan dengan Akta ini mengenai pelaksanaan fungsi dan kuasa Majlis dan Majlis hendaklah melaksanakan arahan itu.

Mesyuarat Majlis

9. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat dengan seberapa kerap yang perlu bagi pelaksanaan fungsinya pada masa dan di tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Tujuh orang anggota, termasuk Pengerusi, hendaklah membentuk kuorum suatu mesyuarat Majlis.

(3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis.

(4) Jika Pengerusi tidak berupaya atas apa jua sebab untuk mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis, mesyuarat itu hendaklah dipengerusikan oleh seorang anggota yang dipilih daripada kalangan anggota yang hadir.

(5) Majlis boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Majlis bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(6) Dalam mana-mana mesyuarat Majlis, Pengerusi hendaklah mempunyai satu undi biasa dan hendaklah, sekiranya terdapat bilangan undi yang sama banyak, mempunyai undi pemutus.

(7) Mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (5) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(8) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Majlis boleh membuat kaedah untuk mengawal selia mesyuarat dan prosidingnya.

Penubuhan jawatankuasa

10. (1) Majlis boleh menubuhkan jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini.

(2) Suatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1)—

(a) hendaklah dipengerusikan oleh mana-mana anggota Majlis yang dinyatakan di bawah perenggan 6(2)(b) hingga (m);

(b) hendaklah mematuhi dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Majlis; dan

(c) boleh menetapkan tatacaranya sendiri.

(3) Anggota jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh dilantik daripada kalangan anggota Majlis atau mana-mana orang lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

(4) Kecuali bagi anggota jawatankuasa yang dilantik daripada kalangan anggota Majlis, mana-mana orang lain yang dilantik sebagai anggota jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(5) Anggota sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(6) Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa tanpa memberi apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(7) Anggota sesuatu jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengerusi jawatankuasa itu.

(8) Majlis boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(9) Sesuatu jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuaratnya pada masa dan di tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa.

(10) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat jawatankuasa bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat tersebut.

(11) Mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (10) boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Setiausaha Majlis dan pegawai lain

11. Menteri hendaklah melantik seorang pegawai awam sebagai Setiausaha Majlis dan pegawai awam lain sebagaimana yang perlu untuk membantu Majlis.

BAHAGIAN III

KESALAHAN PEMERDAGANGAN ORANG, KEKEBALAN, DSB.

Kesalahan pemerdagangan orang

12. Mana-mana orang, yang memperdagangkan orang yang bukan merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksploitasi, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun, dan boleh juga didenda.

Kesalahan pemerdagangan orang dengan cara ancaman, kekerasan, dsb.

13. Mana-mana orang, yang memperdagangkan orang yang bukan merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksploitasi, dengan satu atau lebih cara yang berikut:

- (a) ancaman;
- (b) penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan yang lain;
- (c) pemelarian;
- (d) fraud;
- (e) perdayaan;
- (f) penyalahgunaan kuasa;
- (g) penyalahgunaan kedudukan orang yang mudah terdedah kepada bahaya perbuatan pemerdagangan orang; atau
- (h) pemberian atau penerimaan bayaran atau faedah untuk memperoleh kerelaan seseorang yang mempunyai kawalan ke atas orang yang diperdagangkan,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun, dan boleh juga didenda.

Kesalahan pemerdagangan kanak-kanak

14. Mana-mana orang, yang memperdagangkan orang yang merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksploitasi, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun, dan boleh juga didenda.

Kesalahan mendapatkan keuntungan daripada eksploitasi orang yang diperdagangkan

15. Mana-mana orang yang mendapatkan keuntungan daripada pengeksplotasian orang yang diperdagangkan melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun, dan boleh juga didenda tidak kurang daripada lima ratus ribu ringgit tetapi tidak melebihi satu juta ringgit dan boleh juga dilucuthakkan keuntungan daripada kesalahan itu.

Kesalahan berhubung dengan pemerdagangan orang dalam transit

15A. Mana-mana orang yang membawa dalam transit orang yang diperdagangkan melalui Malaysia melalui darat, laut atau udara, atau selainnya mengaturkan atau memudahkan perbuatan itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun, dan boleh juga dikenakan denda.

Kerelaan orang yang diperdagangkan tidak relevan

16. Dalam sesuatu pendakwaan bagi kesalahan di bawah seksyen 12, 13 atau 14, tidaklah menjadi suatu pembelaan bahawa orang yang diperdagangkan itu merelakan perbuatan pemerdagangan orang.

Kelakuan seksual lampau tidak relevan

17. Kelakuan seksual lampau orang yang diperdagangkan adalah tidak relevan dan tidak boleh diterima bagi maksud membuktikan

bahawa orang yang diperdagangkan itu terlibat dengan kelakuan seksual lain atau untuk membuktikan kecenderungan seksual orang yang diperdagangkan itu.

Pergerakan atau pengangkutan orang yang diperdagangkan tidak relevan

17A. Dalam suatu pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Bahagian ini, pihak pendakwa tidak perlu membuktikan pergerakan atau pengangkutan orang yang diperdagangkan itu tetapi bahawa orang yang diperdagangkan itu telah dieksploitasi.

Dokumen perjalanan atau pengenalan diri fraud

18. Mana-mana orang yang membuat, memperoleh, memberi, menjual atau memiliki suatu dokumen perjalanan atau pengenalan diri fraud bagi maksud memudahkan suatu perbuatan pemerdagangan orang melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun, dan boleh juga didenda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

Merekrut orang

19. Mana-mana orang yang dengan diketahuinya merekrut, atau bersetuju untuk merekrut, orang lain untuk menyertai pelakuan suatu perbuatan pemerdagangan orang melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun, dan boleh juga didenda.

Menyediakan kemudahan bagi membantu pemerdagangan orang

20. Mana-mana orang yang merupakan—

- (a) pemunya, penghuni, penerima pajak atau orang yang bertanggungjawab ke atas mana-mana premis, bilik atau tempat, dengan diketahuinya membenarkan suatu mesyuarat diadakan di premis, bilik atau tempat itu; atau

- (b) pemunya, penerima pajak atau orang yang bertanggungjawab ke atas apa-apa kelengkapan atau kemudahan yang membolehkan perakaman, persidangan atau mesyuarat melalui teknologi, dengan diketahuinya membenarkan kelengkapan atau kemudahan itu digunakan,

bagi maksud melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun, dan boleh juga didenda.

Menyediakan perkhidmatan bagi maksud pemerdagangan orang

21. (1) Mana-mana orang yang, secara langsung atau tidak langsung, menyediakan atau mengadakan perkhidmatan atau kemudahan kewangan—

- (a) dengan niat bahawa perkhidmatan atau kemudahan itu akan digunakan, atau mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa perkhidmatan atau kemudahan itu akan digunakan, secara keseluruhan atau sebahagian, bagi maksud melakukan atau memudahkan pelakuan suatu perbuatan pemerdagangan orang, atau bagi maksud memanfaatkan mana-mana orang yang melakukan atau memudahkan pelakuan suatu perbuatan pemerdagangan orang; atau
- (b) dengan mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa, secara keseluruhan atau sebahagian, perkhidmatan atau kemudahan itu akan digunakan oleh atau akan memanfaatkan mana-mana orang yang terlibat dalam suatu perbuatan pemerdagangan orang,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun, dan boleh juga didenda.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), “perkhidmatan atau kemudahan kewangan” termasuklah perkhidmatan atau kemudahan yang ditawarkan oleh peguam atau akauntan yang bertindak sebagai penama atau ejen kepada klien mereka.

Melindungi orang

22. (1) Mana-mana orang yang—

- (a) melindungi seseorang; atau
- (b) menghalang, menggalang atau mengganggu penangkapan seseorang,

dengan mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu telah melakukan atau sedang merancang atau berkemungkinan untuk melakukan suatu perbuatan pemerdagangan orang, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun, dan boleh juga didenda.

(2) Dalam seksyen ini, “melindung” ertinya memberi seseorang tempat berlindung, makanan, minuman, wang atau pakaian, senjata, amunisi atau pengangkut, atau membantu seseorang dengan apa-apa cara untuk mengelakkan daripada ditangkap.

Obligasi pemunya, operator atau nakhoda pengangkut

23. (1) Mana-mana orang yang merupakan pemunya, operator atau nakhoda mana-mana pengangkut, yang mengambil bahagian dalam pengangkutan barang atau orang bagi keuntungan komersil hendaklah memastikan bahawa setiap orang yang menaiki pengangkut memiliki dokumen perjalanan bagi kemasukan sah orang itu ke dalam negara penerima atau negara transit.

(2) Mana-mana pemunya, operator atau nakhoda mana-mana pengangkut yang disebut dalam subseksyen (1) yang—

- (a) dengan diketahuinya membenarkan atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa pengangkut itu digunakan bagi maksud membawa seseorang ke dalam negara penerima atau negara transit tanpa dokumen perjalanan yang dikehendaki bagi kemasukan sah orang itu ke dalam negara penerima atau negara transit itu; atau
- (b) dengan diketahuinya membenarkan atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa pengangkut itu digunakan bagi maksud melakukan apa-apa kesalahan pemerdagangan orang,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Dalam mana-mana prosiding bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini, adalah menjadi suatu pembelaan bagi pemunya, operator atau nakhoda itu untuk membuktikan bahawa—

(a) dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dokumen perjalanan orang yang menaiki pengangkut adalah dokumen perjalanan yang dikehendaki bagi kemasukan sah orang itu ke dalam negara penerima atau negara transit;

(b) orang yang menaiki pengangkut memiliki dokumen perjalanan yang dikehendaki bagi kemasukan sah ke negara penerima atau negara transit apabila orang itu menaiki, atau terakhir menaiki, pengangkut itu untuk perjalanan ke negara penerima atau negara transit; atau

(c) kemasukan orang itu ke dalam negara penerima atau negara transit berlaku semata-mata oleh sebab penyakit atau kecederaan pada orang itu, tekanan cuaca atau apa-apa keadaan lain yang di luar kawalan pemunya, operator atau nakhoda.

(4) Mana-mana orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh dikehendaki membayar kos penahanan orang yang diperdagangkan di, dan pemindahan orang yang diperdagangkan dari, negara penerima atau negara transit.

(5) Jika tiada pendakwaan atau sabitan di bawah seksyen ini, pemunya, operator atau nakhoda pengangkut yang digunakan hendaklah bertanggungjawab secara bersesama dan berasingan untuk segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan berkenaan dengan penahanan dan penyenggaraan orang yang diperdagangkan dan pemindahannya dari Malaysia dan perbelanjaan sedemikian hendaklah didapatkan semula sebagai hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

Peninggalan sengaja untuk memberi maklumat

24. Mana-mana orang yang mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa apa-apa kesalahan di bawah Akta ini telah atau akan dilakukan, dengan sengaja tidak memberi apa-apa maklumat berkenaan dengan kesalahan itu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya.

Kekebalan daripada pendakwaan jenayah

25. Orang yang diperdagangkan tidak boleh dikenakan pendakwaan jenayah berkenaan dengan —

- (a) kemasukan secara haram orang itu ke dalam negara penerima atau negara transit;
- (b) tempoh pemastautinan orang itu yang tidak sah di negara penerima atau negara transit; atau
- (c) pemerolehan atau pemilikan apa-apa dokumen perjalanan atau pengenalan diri fraud yang diperolehnya, atau apa-apa dokumen perjalanan atau pengenalan diri fraud yang dibekalkan kepadanya, bagi maksud memasuki negara penerima atau negara transit,

jika perbuatan sedemikian adalah akibat langsung daripada suatu perbuatan pemerdagangan orang yang dikatakan dilakukan atau telah dilakukan.

Perlindungan pemberi maklumat

26. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada aduan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh diterima menjadi keterangan dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah, dan tiada saksi boleh dikehendaki atau dibenarkan untuk menzahirkan nama atau alamat mana-mana pemberi maklumat, atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan pemberi maklumat diketahui.

(2) Jika apa-apa buku, dokumen atau kertas yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan yang dalamnya

mana-mana pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan dia diketahui, mahkamah yang ke hadapannya prosiding itu diadakan hendaklah menyebabkan semua catatan sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadam setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, Mahkamah, selepas siasatan penuh tentang kes itu, berpendapat bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan material yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau tidak percaya adalah benar, atau jika dalam apa-apa prosiding lain mahkamah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya antara pihak-pihak dalam prosiding itu tanpa mengetahui siapa pemberi maklumat itu, Mahkamah boleh menghendaki pengemukaan aduan asal, jika secara bertulis, dan membenarkan siasatan dan menghendaki penzahiran sepenuhnya tentang pemberi maklumat itu.

(4) Mana-mana orang yang memberikan apa-apa maklumat yang disebut dalam seksyen ini, sedangkan dia tahu bahawa maklumat itu adalah palsu, melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN IIIA

PENYELUDUPAN MIGRAN

Kesalahan penyeludupan migran

26A. Mana-mana orang yang menjalankan penyeludupan migran melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun, dan boleh juga dikenakan denda, atau kedua-duanya.

Kesalahan penyeludupan migran yang lebih berat

26B. Mana-mana orang yang menjalankan kesalahan penyeludupan migran yang perkara yang berikut terpakai baginya:

- (a) dalam melakukan kesalahan itu, orang itu berniat untuk mengeksploitasi migran yang diseludup itu selepas memasukannya ke dalam negara penerima atau negara transit sama ada oleh orang itu sendiri atau oleh seorang yang lain;

- (b) dalam melakukan kesalahan itu, orang itu memperlakukan migran yang diseludup itu dengan layanan yang kejam, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah; atau
- (c) dalam melakukan kesalahan itu, kelakuan orang itu menimbulkan risiko kematian atau kemudaratan yang serius terhadap migran yang diseludup itu,

hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun, dan boleh juga dikenakan denda, atau kedua-duanya.

Kesalahan berhubung dengan migran yang diseludup dalam transit

26c. Mana-mana orang yang membawa dalam transit seorang migran yang diseludup menerusi Malaysia melalui darat, laut atau udara atau selainnya mengatur atau memudahkan perbuatan itu melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun, dan boleh juga dikenakan denda, atau kedua-duanya.

Kesalahan mendapat keuntungan daripada kesalahan penyeludupan migran

26d. Mana-mana orang yang mendapat keuntungan daripada kesalahan penyeludupan migran melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun tetapi tidak melebihi lima belas tahun, dan boleh juga dikenakan denda tidak kurang daripada lima ratus ribu ringgit tetapi tidak melebihi satu juta ringgit, atau kedua-duanya, dan boleh juga dilucuthakkan keuntungan yang daripada kesalahan itu.

Dokumen perjalanan atau pengenalan diri fraud

26e. Mana-mana orang yang membuat, memperoleh, memberi, menjual, atau memiliki suatu dokumen perjalanan atau pengenalan diri fraud bagi maksud memudahkan suatu perbuatan penyeludupan migran melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan,

dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun tetapi tidak melebihi lima belas tahun, dan boleh juga dikenakan denda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi lima ratus ribu ringgit, atau kedua-duanya.

Menyediakan kemudahan bagi membantu penyeludupan migran

26F. Mana-mana orang, yang merupakan—

- (a) pemunya, penghuni, penerima pajak atau orang yang bertanggungjawab ke atas mana-mana premis, bilik atau tempat, dengan diketahuinya membenarkan suatu mesyuarat diadakan di premis, bilik atau tempat itu; atau
- (b) pemunya, penerima pajak atau orang yang bertanggungjawab ke atas apa-apa kelengkapan atau kemudahan yang membolehkan perakaman, persidangan atau mesyuarat melalui teknologi, dengan diketahuinya membenarkan kelengkapan atau kemudahan itu digunakan,

bagi maksud melakukan suatu kesalahan di bawah Bahagian ini, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun, dan boleh juga dikenakan denda, atau kedua-duanya.

Menyediakan perkhidmatan bagi maksud penyeludupan migran

26G. (1) Mana-mana orang yang, secara langsung atau tidak langsung, menyediakan atau mengadakan perkhidmatan atau kemudahan kewangan—

- (a) dengan niat bahawa perkhidmatan atau kemudahan itu digunakan, atau dengan mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa perkhidmatan atau kemudahan itu akan digunakan, secara keseluruhan atau sebahagiannya, bagi maksud melakukan atau memudahkan pelakuan suatu perbuatan penyeludupan migran, atau bagi maksud memanfaatkan mana-mana orang yang melakukan atau memudahkan pelakuan suatu perbuatan penyeludupan migran; atau

- (b) dengan mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa, secara keseluruhan atau sebahagiannya, perkhidmatan atau kemudahan itu akan digunakan oleh atau akan memanfaatkan mana-mana orang yang terlibat dalam suatu perbuatan penyeludupan migran,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun, dan boleh juga dikenakan denda, atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), “perkhidmatan atau kemudahan kewangan” termasuklah perkhidmatan atau kemudahan yang ditawarkan oleh peguam atau akauntan yang bertindak sebagai penama atau ejen kepada klien mereka.

Menyembunyikan atau melindungi migran yang diseludup dan penyeludup migran

26H. (1) Mana-mana orang yang menyembunyikan atau melindungi, atau menghalang, menggalang atau mengganggu penangkapan mana-mana orang dengan mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu ialah—

- (a) migran yang diseludup; atau
- (b) orang yang telah melakukan atau sedang merancang atau berkemungkinan untuk melakukan suatu perbuatan penyeludupan migran,

melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun, dan boleh juga dikenakan denda, atau kedua-duanya.

(2) Dalam seksyen ini, “melindungi” termasuklah memberikan seseorang tempat perlindungan, makanan, minuman, wang atau pakaian, senjata, amunisi atau pengangkut, atau membantu seseorang dengan apa-apa cara untuk mengelakkan daripada ditangkap.

Menyokong kesalahan penyeludupan migran

26I. (1) Mana-mana orang yang memberikan sokongan material atau sumber kepada seorang yang lain dan sokongan dan sumber itu membantu penerima itu atau mana-mana orang lain untuk terlibat dalam

kelakuan yang merupakan kesalahan penyeludupan migran melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas tahun, dan boleh juga dikenakan denda, atau kedua-duanya.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, seseorang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) walaupun jika kesalahan penyeludupan migran tidak dilakukan.

Kesalahan mengangkut migran yang diseludup

26j. Mana-mana orang yang merupakan pemunya, operator atau nakhoda mana-mana pengangkut yang terlibat dalam pengangkutan migran yang diseludup melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun, dan boleh juga dikenakan denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit, atau kedua-duanya.

Obligasi pemunya, dsb., pengangkut

26k. (1) Mana-mana orang yang merupakan pemunya, operator atau nakhoda mana-mana pengangkut yang terlibat dalam pengangkutan barang atau orang bagi keuntungan komersil hendaklah memastikan bahawa tiap-tiap orang yang menaiki pengangkutan itu memiliki dokumen perjalanan bagi kemasukan sah orang itu ke dalam negara penerima atau negara transit dan jika tidak, hendaklah menolak untuk mengangkut orang itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya.

(3) Dalam mana-mana prosiding untuk suatu kesalahan di bawah seksyen ini, hendaklah menjadi suatu pembelaan bagi pemunya, operator atau nakhoda itu untuk membuktikan bahawa—

- (a) dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dokumen perjalanan orang yang disebut dalam subseksyen (1) merupakan dokumen perjalanan yang dikehendaki bagi kemasukan sah orang itu ke dalam negara penerima atau negara transit itu;

- (b) orang yang disebut dalam subseksyen (1) memiliki dokumen perjalanan yang dikehendaki bagi kemasukan sah ke dalam negara penerima atau negara transit itu semasa orang itu menaiki, atau pada kali terakhir menaiki, pengangkut itu untuk perjalanan ke negara penerima atau negara transit itu; atau
- (c) kemasukan orang yang disebut dalam subseksyen (1) ke dalam negara penerima atau negara transit itu berlaku hanya kerana orang itu sakit atau mengalami kecederaan, tekanan cuaca atau apa-apa hal keadaan lain yang berada di luar kawalan pemunya, operator atau nakhoda itu.

(4) Mana-mana orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh dikehendaki membayar kos penahanan orang yang diseludup di dalam, dan pemindahan dari, negara penerima atau negara transit itu.

(5) Jika tiada pendakwaan atau sabitan di bawah seksyen ini, pemunya, operator atau nakhoda pengangkut yang digunakan hendaklah bertanggungjawab secara bersesama dan berasingan untuk segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan berkenaan dengan penahanan dan penyenggaraan migran yang diseludup itu dan pemindahannya dari Malaysia dan perbelanjaan itu hendaklah didapatkan semula sebagai hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN

Pegawai penguat kuasa

27. (1) Pegawai yang berikut hendaklah menjadi pegawai penguat kuasa bagi maksud Akta ini dan bolehlah menjalankan segala kuasa penguatkuasaan—

- (a) mana-mana pegawai polis;
- (b) mana-mana pegawai imigresen;

- (c) mana-mana Pegawai kastam;
- (d) mana-mana pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia; dan
- (e) mana-mana Pegawai Tenaga Kerja.

(2) Seseorang pegawai penguat kuasa apabila bertindak terhadap mana-mana orang di bawah Akta ini, hendaklah menyatakan jawatannya dan hendaklah mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak apa-apa kad kuasa yang telah dikeluarkan kepadanya.

Kuasa penyiasatan

28. Seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

Kuasa penangkapan

29. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

- (a) yang didapati melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat dalam melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (b) yang dengan semunasabahnya disyaki oleh pegawai penguat kuasa sebagai terlibat dalam melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat dalam melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat penangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu, membawa orang yang ditangkap itu ke balai polis yang paling hampir, dan selepas itu, orang itu hendaklah diperlakukan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa.

Pengeledahan dan penyitaan dengan waran

30. (1) Jika seseorang Majistret mendapati, atas maklumat bertulis bersumpah dan selepas apa-apa siasatan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Majistret itu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

- (a) mana-mana premis atau pengangkut telah digunakan atau akan digunakan bagi; atau
- (b) ada di dalam mana-mana premis atau pengangkut keterangan yang perlu bagi menjalankan penyiasatan mengenai,

pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada pegawai penguat kuasa yang dinamakan dalam waran itu, pada bila-bila masa yang munasabah, sama ada pada waktu siang atau malam, untuk memasuki premis atau pengangkut itu.

(2) Waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh memberi kuasa kepada pegawai penguat kuasa untuk—

- (a) menggeledah premis atau pengangkut itu, dan untuk menyita atau mengalihkan dari premis atau pengangkut itu, apa-apa harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen, atau apa-apa organ manusia, yang dengan semunasabahnya dipercayai dapat memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu; dan
- (b) membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, rekod, laporan atau dokumen yang dijumpai di premis atau pengangkut itu.

(3) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memasuki mana-mana premis atau pengangkut di bawah seksyen ini boleh membawa bersamanya mana-mana orang lain dan kelengkapan sebagaimana yang didapatinya perlu.

(4) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, jika perlu—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam premis atau pengangkut itu atau apa-apa halangan kepada premis atau pengangkut itu untuk masuk ke dalam premis atau pengangkut itu;

- (b) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, pengeledahan, penyitaan atau pengalihan sebagaimana yang dia diberi kuasa untuk melaksanakan di bawah seksyen ini; dan
- (c) menahan mana-mana orang yang dijumpai di dalam premis atau pengangkut itu sehingga pengeledahan itu selesai.

(5) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak munasabah untuk mengalihkan apa-apa harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen atau apa-apa organ manusia yang disita di bawah seksyen ini, pegawai penguat kuasa itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen atau apa-apa organ manusia itu dalam premis atau pengangkut yang di dalamnya ia dijumpai.

(6) Seseorang yang, tanpa kuasa sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (5) atau mengalihkan harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen atau apa-apa organ manusia yang dilak, atau cuba berbuat demikian, melakukan suatu kesalahan.

Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran

31. (1) Jika seseorang pegawai penguat kuasa mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh waran geledah di bawah seksyen 30, penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu mungkin diganggu, dialihkan, dirosakkan atau dimusnahkan, dia boleh, tanpa waran, dengan apa-apa bantuan dan kekerasan sebagaimana yang perlu—

- (a) memasuki dan menggeledah mana-mana premis;
- (b) memberhentikan dan memeriksa mana-mana pengangkut atau orang;
- (c) menyita dan menahan pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen atau organ manusia; atau
- (d) memeriksa, membuat salinan atau mengambil cabutan daripada apa-apa buku, rekod, laporan atau dokumen yang dijumpai dalam premis atau pengangkut itu.

(2) Pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai segala kuasa yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 30(3), (4) dan (5).

Capaian kepada data berkomputer

32. (1) Mana-mana pegawai penguat kuasa yang menjalankan pengeledahan di bawah Akta ini hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada yang distorkan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), pegawai penguat kuasa itu hendaklah diberikan kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu atau apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk capaiannya bagi membolehkan pemahaman data berkomputer itu.

Senarai benda yang disita

33. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen atau apa-apa organ manusia disita di bawah Bahagian ini, pegawai penguat kuasa hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan serta-merta menghantarserahkan satu salinan yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis atau pemunya pengangkut yang telah digeledah, atau kepada ejen atau pekerjanya, di premis atau pengangkut itu.

(2) Jika premis itu tidak berpenghuni, pegawai penguat kuasa itu hendaklah, bila-bila masa mungkin, menampalkan suatu senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat pada atau di tempat atau premis itu.

Kuasa untuk memeriksa orang

34. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang dipercayainya mengetahui fakta dan hal keadaan sesuatu kes itu untuk—

(a) hadir di hadapannya bagi pemeriksaan;

(b) mengemukakan ke hadapannya apa-apa harta alih, rekod, laporan atau dokumen; atau

(c) memberinya pernyataan bertulis yang dibuat dengan bersumpah atau berikrar yang menyatakan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendakinya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

(3) Orang yang diperiksa di bawah subseksyen (1) hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh pegawai penguat kuasa, tetapi dia boleh enggan menjawab mana-mana soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(4) Orang yang membuat pernyataan di bawah perenggan (1)(c) hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat kesemuanya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan pegawai penguat kuasa itu.

(5) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (3) dan (4).

(6) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah subseksyen (3) atau (4) hendaklah dijadikan dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya—

(a) selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa dia membuatnya; dan

(b) selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembedulan yang dia mahu.

Kebolehterimaan pernyataan

35. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seseorang pegawai penguat kuasa semasa penyiasatan dibuat di bawah Akta ini boleh digunakan dalam keterangan.

(2) Apabila mana-mana saksi dipanggil bagi pihak pendakwa atau pembela, selain tertuduh, dan terdapat suatu asas untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu, Mahkamah hendaklah, tertakluk kepada peruntukan Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*], merujuk kepada mana-mana pernyataan yang dibuat oleh saksi itu kepada seseorang pegawai penguat kuasa dalam perjalanan suatu penyiasatan di bawah Akta ini dan boleh kemudiannya menggunakan pernyataan itu untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu.

(3) Jika tertuduh telah membuat suatu pernyataan semasa penyiasatan, pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan bagi menyokong pembelaannya semasa perbicaraan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan terpakai bagi mana-mana pernyataan yang dibuat semasa suatu perbarisan cam atau terangkum dalam seksyen 27 atau perenggan 32(1)(a), (i) dan (j) Akta Keterangan 1950.

(5) Apabila mana-mana orang dipertuduh atas apa-apa kesalahan berhubung dengan—

(a) pembuatan; atau

(b) kandungan,

apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya kepada seseorang pegawai penguat kuasa semasa penyiasatan dibuat di bawah Akta ini, pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam kes pendakwaan.

Pelucuthakan pengangkut, harta alih, dsb.

36. (1) Semua pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen, atau mana-mana organ manusia yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan.

(2) Mahkamah yang membicarakan mana-mana orang yang dituduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh pada akhir perbicaraan itu, sama ada dia disabitkan atau tidak, memerintahkan supaya pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen atau mana-mana organ manusia yang disita daripada orang itu dilucuthakkan.

(3) Jika tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini—

(a) dalam hal organ manusia yang disita, organ manusia yang disita itu hendaklah disifatkan dilucuthakkan; dan

(b) dalam hal pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen yang disita, pegawai penguat kuasa hendaklah menyampaikan suatu notis secara bertulis ke alamat terakhir yang diketahui orang yang daripadanya pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen itu disita.

(4) Notis di bawah perenggan (3)(b) hendaklah menyatakan bahawa tiada pendakwaan berkenaan dengan pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen itu dan bahawa pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen itu akan dilucuthakkan apabila tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyampaian notis melainkan jika suatu tuntutan dibuat oleh orang yang daripadanya pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen itu disita.

(5) Apabila notis yang dikeluarkan di bawah perenggan (3)(b) diterima, mana-mana orang yang menegaskan bahawa dia adalah pemunya mana-mana pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen yang disita di bawah Akta ini yang tidak boleh dilucuthakkan boleh, secara sendiri atau melalui ejennya yang diberi kuasa secara bertulis olehnya, memberikan notis bertulis kepada pegawai penguat kuasa yang dalam milikannya pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen itu dipegang.

(6) Apabila suatu notis di bawah subseksyen (5) diterima, pegawai penguat kuasa yang membuat penyitaan hendaklah merujuk perkara itu kepada Mahkamah bagi penentuannya.

(7) Mahkamah yang kepadanya perkara itu dirujuk hendaklah mengeluarkan suatu saman menghendaki orang yang menegaskan bahawa dia ialah pemunya pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen dan orang yang daripadanya ia disita hadir ke hadapan Mahkamah itu, dan apabila mereka hadir atau ingkar untuk hadir, dan penyampaian saman dengan sewajarnya telah dibuktikan, Mahkamah hendaklah meneruskan pemeriksaan perkara itu, dan apabila terbukti bahawa pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen itu ialah hal perkara atau telah

digunakan dalam pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, hendaklah memerintahkan supaya pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen itu dilucuthakkan atau boleh, semasa ketiadaan bukti sedemikian, memerintahkan pelepasan pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen itu kepada orang yang berhak kepadanya.

(8) Mana-mana pengangkut, harta alih, buku, rekod, laporan atau dokumen atau mana-mana organ manusia yang dilucuthakkan atau disifatkan dilucuthakkan hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh pegawai penguat kuasa.

Kos memegang pengangkut, harta alih, dsb., yang disita

37. Jika apa-apa pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen atau organ manusia yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan pegawai penguat kuasa sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding yang berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, kos bagi memegang pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen atau mana-mana organ manusia itu dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang didapati bersalah atas suatu kesalahan, menjadi hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan hendaklah didapatkan dengan sewajarnya.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada kemasukan, penggeledahan atau penyitaan boleh didapatkan

38. Tiada seorang pun, berkenaan dengan mana-mana kemasukan atau penggeledahan, atau penyitaan mana-mana pengangkut, harta alih, rekod, laporan atau dokumen atau mana-mana organ manusia, yang disita pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta ini, berhak kepada kos kemasukan, penggeledahan atau penyitaan itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika kemasukan, penggeledahan atau penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Halangan

39. Mana-mana orang yang menghalang, merintang, mengganggu atau gagal untuk mematuhi permintaan yang sah seseorang pegawai penguat kuasa dalam melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan.

Pemberian maklumat

40. (1) Mana-mana orang yang —

- (a) mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa seseorang pegawai penguat kuasa sedang bertindak, atau bercadang untuk bertindak, berkaitan dengan suatu penyiasatan yang sedang, atau akan, dijalankan di bawah atau bagi maksud Akta ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin akan menjejaskan penyiasatan itu atau penyiasatan yang dicadangkan itu; atau
- (b) mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu penzahiran telah dibuat kepada seorang pegawai penguat kuasa di bawah Akta ini dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin menjejaskan apa-apa penyiasatan yang mungkin dijalankan berikutan dengan penzahiran itu,

melakukan suatu kesalahan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) menjadikan suatu kesalahan bagi seseorang peguam bela dan peguam cara atau pekerjanya untuk menzahirkan apa-apa maklumat atau perkara lain —

- (a) kepada kliennya atau wakil kliennya berkaitan dengan pemberian nasihat kepada klien itu semasa dan bagi maksud khidmat profesional peguam bela dan peguam cara itu; atau
- (b) kepada mana-mana orang dalam menjangkakan, atau berkaitan dengan dan bagi maksud, apa-apa prosiding undang-undang.

(3) Subseksyen (2) tidaklah terpakai berhubung dengan apa-apa maklumat atau perkara lain yang dizahirkan dengan tujuan untuk melaksanakan apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang.

(4) Dalam prosiding terhadap seseorang bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini, adalah suatu pembelaan untuk membuktikan bahawa—

- (a) dia tidak mengetahui atau mengesyaki bahawa penzahiran yang dibuat di bawah perenggan (1)(b) berkemungkinan menjejaskan penyiasatan itu; atau
- (b) dia mempunyai kuasa sah atau alasan munasabah untuk membuat penzahiran itu.

Pemulaan pendakwaan

41. Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

BAHAGIAN V

JAGAAN DAN PERLINDUNGAN ORANG YANG DIPERDAGANGKAN

Ketidakkajaan

41A. Bahagian ini tidak terpakai bagi migran yang diseludup melainkan jika migran yang diseludup itu ialah seorang yang diperdagangkan.

Tempat perlindungan

42. (1) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisytiharkan mana-mana rumah, bangunan atau tempat, atau mana-mana bahagian rumah, bangunan atau tempat itu, menjadi tempat perlindungan bagi jagaan dan perlindungan orang yang diperdagangkan dan boleh, dengan cara yang sama, mengisytiharkan bahawa tempat perlindungan itu terhenti menjadi suatu tempat perlindungan.

(2) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengarahkan pengasingan kategori berlainan orang yang diperdagangkan, antara lain, mengikut umur dan jantina sama ada di tempat perlindungan yang sama atau di tempat perlindungan yang berlainan.

Pelantikan Pegawai Pelindung

43. (1) Menteri, selepas berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melantik apa-apa bilangan Pegawai Kebajikan Masyarakat atau mana-mana pegawai awam lain untuk menjalankan kuasa dan melaksanakan kewajipan seorang Pegawai Pelindung di bawah Akta ini tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu.

(2) Pegawai Pelindung hendaklah —

- (a) mempunyai kawalan ke atas dan tanggungjawab bagi jagaan dan perlindungan orang yang diperdagangkan di tempat perlindungan;
- (b) menjalankan siasatan dan menyebabkan supaya disediakan laporan mengenai orang yang diperdagangkan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta ini;
- (c) mempunyai kuasa untuk mengawasi orang yang diperdagangkan apabila diperintahkan oleh Majistret atau diarahkan oleh Menteri; dan
- (d) mempunyai apa-apa kuasa, kewajipan dan fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

Mengambil orang ke dalam jagaan sementara

44. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh, atas syak yang munasabah bahawa orang yang dijumpai atau diselamatkan ialah orang yang diperdagangkan, mengambil orang itu ke dalam jagaan sementara dan mengemukakan orang itu ke hadapan Majistret dalam masa dua puluh empat jam, tidak termasuk masa yang perlu bagi perjalanan ke Mahkamah Majistret, bagi maksud memperoleh perintah perlindungan interim.

(2) Majistret hendaklah membuat perintah perlindungan interim bagi orang yang ditempatkan di tempat perlindungan selama tempoh empat belas hari bagi maksud menjalankan penyiasatan dan siasatan di bawah seksyen 51.

(3) Pegawai penguat kuasa hendaklah, apabila memperoleh perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2), menyerahkan orang yang diperdagangkan itu kepada Pegawai Pelindung untuk menempatkan orang yang diperdagangkan itu di tempat perlindungan yang dinyatakan dalam perintah.

Orang dalam jagaan sementara yang memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan

45. (1) Jika seseorang pegawai penguat kuasa yang mengambil seseorang ke dalam jagaan sementara di bawah subseksyen 44(1) berpendapat bahawa orang itu memerlukan pemeriksaan atau rawatan perubatan, pegawai penguat kuasa boleh, daripada mengemukakan orang itu ke hadapan Majistret, membawanya kepada pegawai perubatan.

(2) Jika pada masa diambil ke dalam jagaan sementara, orang itu adalah pesakit di dalam hospital, pegawai penguat kuasa boleh meninggalkan orang itu di hospital itu.

Pemeriksaan dan rawatan perubatan

46. Seseorang pegawai perubatan yang di hadapannya seseorang dibawa di bawah seksyen 45—

- (a) hendaklah menjalankan atau menyebabkan dijalankan suatu pemeriksaan ke atas orang itu;
- (b) boleh dalam memeriksa orang itu dan jika dibenarkan oleh pegawai penguat kuasa, menjalankan atau menyebabkan dijalankan apa-apa tatacara dan ujian sebagaimana yang perlu untuk mendiagnosis keadaan orang itu; atau
- (c) boleh memberikan atau menyebabkan diberikan apa-apa rawatan sebagaimana yang dirasakannya perlu hasil daripada diagnosis itu.

Kebenaran untuk dimasukkan ke hospital

47. Jika seseorang yang diambil ke dalam jagaan sementara di bawah subseksyen 44(1) ialah seorang kanak-kanak dan pegawai perubatan yang memeriksa orang itu berpendapat bahawa kemasukannya ke

hospital adalah perlu bagi maksud jagaan atau rawatan perubatan, seseorang pegawai penguat kuasa boleh membenarkan orang itu untuk dimasukkan ke hospital.

Kawalan ke atas orang yang dimasukkan ke hospital

48. Jika seseorang yang diambil ke dalam jagaan sementara di bawah subseksyen 44(1) dimasukkan ke hospital, pegawai penguat kuasa hendaklah mempunyai kawalan ke atas, dan tanggungjawab bagi keselamatan dan perlindungan orang itu.

Langkah yang perlu diambil selepas pemeriksaan atau rawatan Perubatan

49. (1) Seseorang yang diambil ke dalam jagaan sementara di bawah subseksyen 44(1) dan diperiksa dari segi perubatan di bawah seksyen 46 hendaklah dibawa ke hadapan Majistret dalam masa dua puluh empat jam—

(a) apabila selesai pemeriksaan atau rawatan itu; atau

(b) jika orang itu dimasukkan ke hospital, apabila dibenarkan keluar dari hospital.

(2) Jika adalah tidak mungkin untuk membawa orang itu ke hadapan Majistret dalam masa yang dinyatakan dalam subseksyen (1), orang itu hendaklah ditempatkan di tempat perlindungan sehingga suatu masa orang itu boleh dibawa ke hadapan Majistret.

Tiada liabiliti ditanggung kerana memberikan kebenaran

50. (1) Jika seseorang yang diperiksa atau dirawat di bawah Bahagian ini—

(a) pegawai penguat kuasa yang membenarkan pemeriksaan atau rawatan itu;

- (b) pegawai perubatan yang memeriksa atau merawat orang itu; dan
- (c) semua orang yang bertindak dalam membantu pegawai perubatan itu,

tidaklah menanggung apa-apa liabiliti di sisi undang-undang hanya oleh sebab seseorang telah diperiksa atau dirawat menurut Bahagian ini

(2) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam subseksyen (1) melepaskan seseorang pegawai perubatan daripada liabiliti berkenaan dengan pemeriksaan atau rawatan orang yang diambil ke dalam jagaan sementara di bawah subseksyen 44(1), yang liabilitinya itu dia akan tertakluk sekiranya pemeriksaan atau rawatan itu dijalankan atau diberikan dengan keizinan ibu atau bapa atau penjaga orang itu atau orang yang mempunyai kuasa untuk mengizinkan pemeriksaan atau rawatan itu.

Penyiasatan, siasatan dan Perintah Perlindungan

51. (1) Jika suatu perintah perlindungan interim dibuat di bawah subseksyen 44(2), dalam masa empat belas hari dari tarikh perintah itu—

- (a) seorang pegawai penguat kuasa hendaklah menyiasat keadaan kes orang itu bagi maksud menentukan sama ada orang itu adalah orang yang diperdagangkan di bawah Akta ini; dan
- (b) seorang Pegawai Pelindung hendaklah menjalankan siasatan terhadap latar belakang orang itu.

(2) Apabila selesai sesuatu penyiasatan dan siasatan di bawah subseksyen (1), pegawai penguat kuasa dan Pegawai Pelindung hendaklah secara bersama menyediakan suatu laporan dan mengemukakan laporan itu bersama-sama dengan orang itu ke hadapan Mahkamah Majistret bagi maksud memuaskan hati Majistret bahawa orang itu adalah orang yang diperdagangkan di bawah Akta ini.

(3) Jika Majistret, selepas membaca laporan yang dikemukakan di bawah subseksyen (2), berpuas hati bahawa orang yang dibawa ke hadapannya—

(a) ialah orang yang diperdagangkan dan memerlukan jagaan dan perlindungan, Majistret boleh membuat suatu Perintah Perlindungan—

(i) dalam hal orang yang diperdagangkan ialah seorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia, memerintahkan orang yang diperdagangkan itu ditempatkan di tempat perlindungan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dari tarikh perintah itu; atau

(ii) dalam hal orang yang diperdagangkan ialah seorang warganegara asing, memerintahkan orang yang diperdagangkan itu ditempatkan di tempat perlindungan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan dari tarikh perintah itu, dan selepas itu melepaskannya kepada pegawai imigresen untuk tindakan yang perlu mengikut peruntukan Akta Imigresen 1959/63;

(b) bukan orang yang diperdagangkan, Majistret boleh—

(i) dalam hal seorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia, memerintahkan orang itu dilepaskan; atau

(ii) dalam hal seorang warganegara asing, memerintahkan orang itu dilepaskan kepada pegawai imigresen untuk tindakan yang perlu mengikut peruntukan Akta Imigresen 1959/63.

(4) Majistret boleh pada bila-bila masa, atas permohonan pegawai penguat kuasa atau Pegawai Pelindung, mengikut mana-mana yang berkenaan, melanjutkan atau membatalkan Perintah Perlindungan yang dibuat di bawah seksyen ini.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), jika orang yang diperdagangkan itu ialah seorang warganegara asing, suatu pelanjutan Perintah Perlindungan boleh diberikan hanya bagi maksud menyelesaikan

perakaman keterangan di bawah seksyen 52 atau bagi apa-apa keadaan luar biasa sebagaimana yang ditentukan oleh Majistret itu.

(6) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjejaskan apa-apa pendakwaan sesuatu perbuatan pemerdagangan orang di bawah Akta ini.

Perakaman keterangan orang yang diperdagangkan

52. (1) Pada bila-bila masa semasa tempoh Perintah Perlindungan dibuat di bawah subperenggan 51(3)(a)(ii), jika pendakwaan jenayah telah dimulakan terhadap mana-mana orang bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini, Pendakwa Raya boleh membuat permohonan lisan bagi pengemukaan orang yang diperdagangkan itu ke hadapan Mahkamah Sesyen yang pendakwaan jenayah telah dimulakan bagi maksud merakamkan keterangan bersumpah orang yang diperdagangkan itu.

(2) Hakim Mahkamah Sesyen boleh, atas permohonan itu, mengeluarkan saman atau perintah yang ditujukan kepada orang yang bertanggungjawab ke atas tempat perlindungan di mana orang yang diperdagangkan itu ditempatkan, menghendaknya untuk mengemukakan orang yang diperdagangkan itu pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam saman atau perintah itu.

(3) Hakim Mahkamah Sesyen hendaklah merakamkan keterangan orang yang diperdagangkan itu dan menyelesaikan perakaman itu dalam masa tujuh hari dari tarikh pengemukaan orang yang diperdagangkan itu ke hadapannya.

(4) Semasa perakaman keterangan orang yang diperdagangkan itu, dia hendaklah diperiksa mengikut peruntukan Akta Keterangan 1950.

(5) Hakim Mahkamah Sesyen hendaklah menyebabkan keterangan yang diambil dijadikan dalam bentuk bertulis dan, pada akhir tulisan itu, hendaklah menandatangani keterangan itu.

(6) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang berlawanan, keterangan yang dirakam di bawah seksyen ini hendaklah boleh

diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini dan berat yang diletakkan pada keterangan itu hendaklah sama sebagaimana seorang saksi yang hadir dan memberi keterangan dalam suatu prosiding.

Permohonan oleh ibu atau bapa, penjaga atau saudara

53. (1) Jika orang yang diperdagangkan yang ditempatkan di tempat perlindungan ialah seorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia, ibu atau bapa, penjaga atau saudara orang itu boleh, pada bila-bila masa, membuat suatu permohonan kepada Mahkamah Majistret untuk meletakkan orang itu ke dalam jagaan ibu atau bapa, penjaga atau saudara orang itu.

(2) Ibu atau bapa, penjaga atau saudara orang yang diperdagangkan itu hendaklah menyerahkan satu salinan permohonan itu kepada Pegawai Pelindung.

(3) Apabila menerima permohonan di bawah subseksyen (2), Pegawai Pelindung hendaklah menyebabkan suatu laporan disediakan berhubung dengan—

- (a) orang yang diperdagangkan itu;
- (b) status apa-apa penyiasatan atau pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang berhubung dengan orang yang diperdagangkan itu;
- (c) latar belakang orang yang diperdagangkan itu, ibu atau bapa, penjaga atau saudaranya; atau
- (d) apa-apa perkara lain sebagaimana yang Pegawai Pelindung fikirkan berkaitan,

untuk membolehkan Majistret menentukan permohonan demi kepentingan terbaik orang yang diperdagangkan itu.

(4) Majistret hendaklah, apabila menerima permohonan itu, menetapkan tarikh untuk mendengar permohonan itu, dan hendaklah dengan notis bertulis, memaklumkan ibu atau bapa, penjaga atau saudara orang yang diperdagangkan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pegawai Pelindung atau orang lain

yang Majistret fikirkan patut, dan hendaklah menghendaki supaya orang yang diperdagangkan itu hadir ke hadapannya pada tarikh yang ditetapkan.

(5) Selepas mendengar permohonan dan membaca laporan Pegawai Pelindung, dan jika Majistret berpuas hati bahawa adalah demi kepentingan terbaik orang yang diperdagangkan itu, dia boleh—

- (a) meletakkan orang itu ke dalam jagaan dan perlindungan ibu atau bapa, penjaga atau saudara orang itu dengan syarat-syarat yang dia fikirkan patut untuk dikenakan;
- (b) menghendaki ibu atau bapa, penjaga atau saudara orang itu untuk menandatangani bon; atau
- (c) menghendaki orang itu diletakkan di bawah pengawasan seorang Pegawai Pelindung,

untuk suatu tempoh yang akan ditetapkan oleh Majistret itu.

(6) Majistret boleh, pada bila-bila masa, membatalkan perintah yang dibuat di bawah subseksyen (5).

Pelepasan orang yang diperdagangkan

54. (1) Apabila sesuatu Perintah Perlindungan dibatalkan atau tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam sesuatu Perintah Perlindungan, Pegawai Pelindung hendaklah—

- (a) dalam hal orang yang diperdagangkan ialah seorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia, melepaskan orang itu; atau
- (b) dalam hal orang yang diperdagangkan ialah seorang warganegara asing, melepaskan orang itu kepada pegawai imigresen untuk tindakan yang perlu mengikut peruntukan Akta Imigresen 1959/63.

(2) Pegawai imigresen itu hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk menguruskan penghantaran balik orang itu ke negara asalnya tanpa kelengahan yang tidak perlu, dengan mengambil kira keselamatannya.

(3) Walau apa pun perenggan 1(a), mahkamah boleh, atas suatu permohonan yang dibuat oleh Pegawai Pelindung, dan setelah berpuas hati bahawa orang itu memerlukan jagaan dan perlindungan lanjut, membuat perintah supaya orang yang diperdagangkan itu ditempatkan di tempat perlindungan bagi apa-apa tempoh lanjut sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majistret.

Orang yang diperdagangkan yang melarikan diri atau dipindahkan dari tempat perlindungan

55. Mana-mana orang yang diperdagangkan yang melarikan diri atau yang dipindahkan dari tempat perlindungan tanpa kuasa sah—

- (a) boleh diambil ke dalam jagaan oleh mana-mana pegawai penguat kuasa dan hendaklah dibawa semula ke tempat perlindungan itu; dan
- (b) hendaklah ditempatkan untuk suatu tempoh yang sama dengan tempoh semasa dia bebas secara tidak sah dan untuk baki tempoh Perintah Perlindungannya yang belum habis yang asalnya dibuat oleh Majistret.

Kesalahan memindahkan atau membantu orang yang diperdagangkan melarikan diri dari tempat perlindungan

56. Mana-mana orang yang —

- (a) memindahkan orang yang diperdagangkan dari tempat perlindungan tanpa kuasa sah;
- (b) dengan diketahuinya membantu atau mendorong, secara langsung atau tidak langsung, orang yang diperdagangkan untuk melarikan diri dari tempat perlindungan; atau
- (c) dengan diketahuinya melindungi atau menyembunyikan orang yang diperdagangkan yang telah melarikan diri, atau menghalang orang itu daripada kembali ke tempat perlindungan,

melakukan suatu kesalahan.

Kuasa Menteri untuk memindahkan orang yang diperdagangkan dari satu tempat perlindungan ke tempat perlindungan yang lain

57. Menteri boleh, pada bila-bila masa, atas sebab yang pada hematnya mencukupi, dengan perintah secara bertulis mengarahkan pemindahan mana-mana orang yang diperdagangkan dari suatu tempat perlindungan ke tempat perlindungan yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Sekatan ke atas laporan dan penyiaran media

58. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, apa-apa laporan media massa mengenai —

- (a) apa-apa langkah yang diambil berhubung dengan orang yang diperdagangkan atau migran yang diseludup dalam mana-mana prosiding sama ada pada peringkat sebelum perbicaraan, perbicaraan atau selepas perbicaraan;
- (b) mana-mana orang yang diperdagangkan yang berkenaan dengannya jagaan atau perlindungan diberikan di bawah Bahagian V; atau
- (c) apa-apa perkara lain di bawah Akta ini,

tidak boleh mendedahkan nama atau alamat, atau memasukkan apa-apa butiran yang dikira boleh membawa kepada pengenalpastian mana-mana orang yang diperdagangkan atau migran yang diseludup yang terlibat sedemikian sama ada sebagai orang yang diperdagangkan atau migran yang diseludup atau sebagai seorang saksi dalam mana-mana prosiding.

(2) Gambar —

- (a) mana-mana orang yang diperdagangkan atau migran yang diseludup dalam mana-mana perkara yang disebut dalam subseksyen (1); atau

- (b) mana-mana orang, tempat atau benda lain yang mungkin membawa kepada pengenalpastian orang yang diperdagangkan atau migran yang diseludup,

tidak boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar atau majalah atau disampaikan melalui apa-apa perantara elektronik.

- (3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Keterangan *agent provocateur* boleh diterima

59. (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang atau rukun undang-undang yang berlawanan, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini, tiada *agent provocateur* boleh dianggap tidak boleh dipercayai semata-mata kerana dia telah cuba melakukan atau bersubahat, atau telah bersubahat atau terlibat dalam konspirasi jenayah untuk melakukan, kesalahan itu jika tujuan utama percubaan, persubahatan atau penglibatan itu ialah untuk mendapatkan keterangan terhadap orang itu.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang atau rukun undang-undang yang berlawanan, suatu sabitan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini yang berasaskan semata-mata pada keterangan tanpa sokongan mana-mana *agent provocateur* tidaklah menjadi tidak sah dan tiada sabitan sedemikian boleh diketepikan hanya kerana mahkamah yang membicarakan kes itu telah gagal untuk menyebut dalam alasan penghakimannya keperluan supaya mengingatkan dirinya tentang bahaya membuat sabitan berdasarkan pada keterangan sedemikian.

Kebolehterimaan keterangan dokumentar

60. Jika mana-mana pegawai penguat kuasa telah memperoleh apa-apa dokumen atau keterangan lain dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta ini, dokumen atau salinan dokumen itu atau keterangan lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini, walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis.

Kebolehterimaan terjemahan dokumen

61. (1) Jika apa-apa dokumen yang hendak digunakan dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini dalam suatu bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, terjemahan dokumen itu ke dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris hendaklah diterima sebagai keterangan jika terjemahan itu disertakan dengan perakuan orang yang menterjemahkan dokumen itu yang menyatakan bahawa terjemahan itu ialah terjemahan yang tepat, benar dan betul dan terjemahan itu telah dibuat oleh orang itu atas kehendak mana-mana pegawai penguat kuasa.

(2) Subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi sesuatu dokumen yang diterjemahkan, tidak kira sama ada dokumen itu telah dibuat di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada terjemahan itu telah dibuat di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada milikan dokumen itu telah diperoleh oleh mana-mana pegawai penguat kuasa di dalam atau di luar Malaysia.

Kebolehterimaan deposisi orang yang diperdagangkan atau migran yang diseludup yang tidak dapat dikesan

61A. (1) Walau apa jua pun yang terkandung dalam Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, jika dalam mana-mana prosiding bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini keterangan mana-mana orang yang berkenaan dengannya suatu perintah pemindahan dari Malaysia telah dibuat oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 32 atau 33 atau subseksyen 56(2) Akta Imigresen 1959/63 dikehendaki oleh mahkamah, maka apa-apa deposisi yang berhubungan dengan hal perkara prosiding itu yang dibuat oleh orang itu—

- (a) di Malaysia di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret dalam kehadiran atau ketidakhadiran orang yang dipertuduh dengan kesalahan itu; atau
- (b) di luar Malaysia di hadapan pegawai konsular atau pegawai kehakiman negara asing dalam kehadiran atau ketidakhadiran orang yang dipertuduh dengan kesalahan itu,

hendaklah menjadi keterangan boleh diterima di hadapan mahkamah itu dan apa-apa deposisi sedemikian hendaklah, tanpa bukti lanjut, diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai apa-apa fakta yang dinyatakan dalam deposisi itu.

(2) Mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding tidak perlu untuk membuktikan tandatangan atau sifat rasmi Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret, pegawai konsular atau pegawai kehakiman yang di hadapannya deposisi di bawah subseksyen (1) itu dibuat.

(3) Bagi maksud seksyen ini, sebutan mengenai—

(a) suatu “deposisi” termasuklah apa-apa pernyataan bertulis yang dibuat atas sumpah; dan

(b) suatu “sumpah” termasuklah suatu ikrar atauakuan dalam hal orang yang dibenarkan oleh undang-undang untuk membuat ikrar atauakuan sebagai ganti membuat sumpah.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjejaskan apa-apa deposisi lain diterima sebagai keterangan.

Tanggung rugi

62. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan, atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa yang lain terhadap—

(a) mana-mana pegawai penguat kuasa;

(b) mana-mana Pegawai Pelindung; atau

(c) mana-mana orang yang bertindak menurut undang-undang dalam mematuhi apa-apa arahan atau perintah seseorang pegawai penguat kuasa atau Pegawai Pelindung,

bagi atau oleh sebab, atau berkenaan dengan, apa-apa perbuatan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, atau yang berupa sebagai dilakukan atau dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, menurut atau dalam melaksanakan, atau yang diniatkan menurut atau untuk melaksanakan, Akta ini atau mana-mana perintah bertulis, arahan atau benda lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini jika perbuatan atau pernyataan itu dilakukan atau dibuat, atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, dengan suci hati.

Penalti am dan penalti lebih berat

63. (1) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, pertubuhan perbadanan itu boleh, apabila disabitkan—

(a) jika suatu denda ditentukan di bawah seksyen yang berkenaan, dikenakan denda yang tidak kurang daripada tiga kali denda maksimum yang ditentukan; dan

(b) jika tiada denda ditentukan—

(i) berhubung dengan seksyen 15A dan 26C, dikenakan denda minimum sebanyak lima juta ringgit; dan

(ii) dalam apa-apa hal lain, dikenakan denda minimum sebanyak satu juta ringgit.

(3) Jika, selepas disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, seseorang itu kemudiannya melakukan suatu lagi kesalahan di bawah Akta ini, dia hendaklah, apabila disabitkan, bagi kesalahan yang kemudiannya, dihukum dengan penalti yang lebih berat yang hendaklah tidak kurang daripada penalti yang telah dikenakan ke atasnya untuk kesalahan yang terdahulu.

(4) Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh seseorang yang telah dibuktikan di mahkamah bahawa dia telah bertindak bersesama dengan seorang atau lebih daripada seorang lain semasa melakukan kesalahan itu, orang itu hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan penalti yang lebih berat yang hendaklah merupakan suatu penalti yang lebih keras daripada penalti yang boleh dikenakan ke atasnya jika dia bertindak seorang diri.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

64. Jika apa-apa kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini telah dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah,

pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu, atau yang berupa sebagai bertindak dalam mana-mana kapasiti sedemikian, atau telah dalam apa-apa cara bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu, atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian, juga melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya, dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar dilakukannya untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang dia patut jalankan, dengan mengambil kira jenis fungsinya dalam kapasiti itu dan segala hal keadaan.

Kesalahan oleh pekerja atau ejen

65. Jika mana-mana orang boleh di bawah Akta ini dikenakan hukuman atau penalti bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, keabaiian atau keingkaran, orang itu bolehlah dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, keabaiian atau keingkaran sedemikian oleh mana-mana pekerja atau ejennya atau ejen pekerja itu, jika perbuatan, peninggalan, keabaiian atau keingkaran itu telah dilakukan oleh pekerja orang itu dalam masa penggajiannya, atau oleh ejen itu semasa bertindak bagi pihak orang itu, atau oleh pekerja ejen itu dalam masa penggajian pekerja itu oleh ejen itu, atau selainnya bagi pihak ejen itu.

Peraturan-peraturan

66. (1) Menteri boleh, membuat apa-apa peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat untuk memberikan kuat kuasa penuh, atau bagi menjalankan, peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat—

- (a) untuk menetapkan fungsi atau perkara lain berhubung dengan Majlis;
- (b) untuk mengadakan peruntukan bagi suatu kesalahan, apa-apa perbuatan atau peninggalan yang bertentangan dengan mana-mana peruntukan mana-mana peraturan-peraturan;

- (c) untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan penalti bagi kesalahan itu;
- (d) untuk menetapkan langkah bagi jagaan dan perlindungan orang yang diperdagangkan di tempat perlindungan;
- (e) untuk menetapkan kuasa dan fungsi Pegawai Pelindung;
- (f) untuk mengawal selia pengurusan, pentadbiran dan kawalan tempat perlindungan, termasuk peruntukan bagi kuasa, kewajipan dan fungsi orang yang bertanggungjawab ke atas tempat perlindungan;
- (fa) untuk mengadakan peruntukan bagi pembayaran dan pemerdapatan semula apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan berkaitan dengan penahanan, penyenggaraan, rawatan perubatan dan pemindahan dari Malaysia mana-mana orang di bawah Akta ini;
- (g) untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara yang, di bawah Akta ini, adalah dikehendaki atau dibenarkan untuk ditetapkan atau yang perlu atau suai manfaat untuk ditetapkan.

Pencegahan anomali

67. (1) Menteri boleh, apabila pada hematnya perlu atau suai manfaat berbuat sedemikian, sama ada bagi maksud menghapuskan kesulitan atau mencegah anomali yang berbangkit daripada pembuatan Akta ini, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* membuat apa-apa ubah suaian kepada mana-mana peruntukan dalam Akta ini sebagaimana yang difikirkannya patut, tetapi Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen ini selepas habis tempoh dua tahun dari tarikh yang ditetapkan.

(2) Dalam seksyen ini, “ubah suaian” termasuklah pindaan, tambahan, pemotongan, penggantian, adaptasi, variasi, pengubahan, dan ketidakpakaian mana-mana peruntukan Akta ini.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 670****AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN
ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN 2007**

SENARAI PINDAAN

Undang-Undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1385	Akta Antipemerdagangan Orang (Pindaan) 2010	15-11-2010

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 670

AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN 2007

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Tajuk Panjang	Akta A1385	15-11-2010
1	Akta A1385	15-11-2010
2	Akta A1385	15-11-2010
3	Akta A1385	15-11-2010
5	Akta A1385	15-11-2010
Bahagian II	Akta A1385	15-11-2010
6	Akta A1385	15-11-2010
7	Akta A1385	15-11-2010
15	Akta A1385	15-11-2010
15A	Akta A1385	15-11-2010
17A	Akta A1385	15-11-2010
23	Akta A1385	15-11-2010
25	Akta A1385	15-11-2010
Bahagian IIIA	Akta A1385	15-11-2010
26A-26K	Akta A1385	15-11-2010
27	Akta A1385	15-11-2010
35	Akta A1385	15-11-2010
Bahagian V	Akta A1385	15-11-2010
41A	Akta A1385	15-11-2010
44	Akta A1385	15-11-2010
51	Akta A1385	15-11-2010

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
52	Akta A1385	15-11-2010
58	Akta A1385	15-11-2010
61A	Akta A1385	15-11-2010
63	Akta A1385	15-11-2010
66	Akta A1385	15-11-2010
